

**PENGGUNAAN DINAR EMAS UNTUK WAKAF
TUNAI DARI PERSPEKTIF ISLAM**

CHE KHADIJAH BINTI HAMID

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**PENGGUNAAN DINAR EMAS UNTUK WAKAF
TUNAI DARI PERSPEKTIF ISLAM**

oleh

CHE KHADIJAH BINTI HAMID

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2018

PENGHARGAAN

Segala puji ke hadrat Allah SWT, Selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, Para sahabat, *tābi'īn*, *tabi' al-tābi'īn* serta sesiapa sahaja yang sama-sama berjuang mengikuti jejak langkahnya sehinggalah ke hari kiamat. Penyelidik berasa amat bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan rahmat dan limpah kasih sayang memberi jalan terbaik untuk memudahkan kerja-kerja penulisan tesis ini sehingga terhasilnya kajian mengenai potensi penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf berdasarkan pandangan cendekiawan wakaf di Malaysia.

Sekalung-kalung terima kasih penyelidik ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari selaku penyelia utama merangkap Pengarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Prof. Madya Dr. Zahri Hamat selaku penyelia kedua, yang penuh keikhlasan dan ketekunan mendidik, memberi tunjuk ajar dan cadangan-cadangan sepanjang menjalankan kajian ini. Segala sumbangan insan ini dalam keadaan dihambat dengan pelbagai tugas dan kerja hanya Allah SWT jualah sebaik-baik pemberi ganjaran. Ucapan penghargaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah ISDEV, USM untuk segala tunjuk ajar dan galakan yang diberikan. Hanya titipan doa kepada Allah SWT atas segalanya dan semoga mendapat sebesar-besar kurniaan yang tidak terhingga kepada mereka kerana memberikan ilmu, didikan agama dan didikan akhlak yang baik agar penyelidik menjadi seseorang yang bermanfaat kepada agama Allah SWT.

Tidak dilupakan ucapan penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang menganugerahkan Biasiswa MyPhD menerusi skim Mybrain 15 bagi membiayai pengajian ini. Ucapan penghargaan juga dipanjangkan kepada YBhg Sahibus Samahah Dato'Sri Dr. Haji Abdul. Rahman bin Haji Osman, YBhg. Dr. Razali bin Othman, YBhg. Prof Dr. Haji Mohamad @ Md. Som Bin Sujimon, YBhg. Prof Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, YBhg Encik Mohd Bokhari bin Mat Doa, YBhg Tuan Haji Fakaruddin bin Abdul Rahman dan YBhg Cik Nur Mahirah binti Zainudin kerana kesudian untuk ditemubual dalam keterhadan masa dan

kesibukan kerja. Semoga Allah SWT memberikan sebaik-baik balasan terhadap pengorbanan tersebut.

Sentiasa dalam doa penyelidik, ucapan terima kasih kepada sahabat-sahabat dan rakan-rakan seperjuangan di ISDEV, USM dan juga rakan-rakan di luar ISDEV iaitu Dr. Nur Hidayah Marzuki, Dr. Nur Ilani Mat Nawi, Dr. Salimah Yahya, Dr. Siti Syuhadah Mohamad, Dr. Sakinatul Raadiyah Abdullah, Puan Ku Nor Asyikin Ku Zamri, Cik Nor Azira Ali, Cik Nur Sakiinah Abdul Aziz dan rakan-rakan lain yang tidak disebut nama, sentiasa mendoakan, memberi perkongsian ilmu, memberi pertolongan yang tidak jemu-jemu selama proses penghasilan tesis ini. Tanpa bantuan kalian, tesis ini rumit untuk dihasilkan.

Ucapan penghargaan teristimewa buat suami tercinta Mohd Bokhri bin Mohd Nor kerana sudi mencurahkan segala kudrat dan keringat demi memastikan kejayaan menghasilkan tesis ini. Begitu juga terima kasih diucapkan kepada anak-anak tersayang Dhiya Zahra Humaira, Adeliya Nuha Sumayyah, Aisyah Nur Insyirah dan Muhammad Thaqif Zuhair kerana sentiasa memahami tugas penyelidik sebagai seorang pelajar dan seakan-akan memahami perjuangan ibunya dalam menuntut ilmu walaupun anakanda masih kecil dan tidak memahami sepenuhnya.

Tidak dilupa, penghargaan khas buat insan yang sanggup berkorban segala-galanya sama ada dari segi masa, tenaga dan kewangan sekali pun bagi memastikan kejayaan penyelidik dalam penghasilan tesis ini, Ayahanda Hamid bin Awang Mat dan Ibunda Che Sum binti Ismail, semoga pengorbanan insan ini menjadi *asbāb* mereka ke syurga Allah SWT. Akhir sekali, penghargaan terima kasih juga buat seluruh ahli keluarga yang lain serta sanak saudara yang mendoakan kejayaan penyelidik secara langsung atau tidak langsung. Segalanya hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalasnya.

Che Khadijah Binti Hamid

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia (USM)
Pulau Pinang

20 Julai 2018

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
PANDUAN TRANSLITERASI	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Amalan Wakaf Tunai Pada Masa Ini	3
1.2.2	Bentuk dan Model Aplikasi Wakaf Tunai Masa Ini	5
1.2.3	Wakaf Tunai Sebagai Mekanisme Pelaburan Pada Masa Ini	10
1.2.4	Potensi dan Sumbangan Wakaf Tunai Pada Masa Ini	13
1.2.5	Mekanisme Penggunaan Wang <i>Fiat</i> Sebagai Medium Berwakaf Pada Masa Ini	16
1.3	Pernyataan Masalah	17
1.4	Objektif Kajian	27
1.5	Persoalan Kajian	28
1.6	Definisi Operasional Kajian	29
1.6.1	Wakaf	29
1.6.2	Dinar Emas	33
1.6.3	Potensi Penggunaan	34
1.6.4	Cendekiawan Wakaf	36
1.6.5	Medium Berwakaf	37
1.7	Skop dan Batasan Kajian	38
1.8	Kepentingan Kajian	40
1.9	Sumbangan Kajian	43
1.10	Organisasi Tesis	44

BAB 2 KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1	Pendahuluan	46
2.2	Kajian-Kajian Lepas	46
2.2.1	Kajian Tentang Wakaf Tunai	47
2.2.2	Kajian Tentang Dinar Emas	65
2.2.2(a)	Kajian Tentang Dinar Emas di Peringkat Global	66
2.2.2(b)	Kajian Tentang Dinar Emas di Malaysia	71
2.3	Analisis Kajian Lepas	82
2.4	Sorotan Karya	85
2.4.1	Konsep dan Pengertian Wang Secara Umum	85
2.4.2	Fungsi dan Kelayakan Wang Sebagai Medium Transaksi Ekonomi	87
2.4.3	Kriteria Wang dan Jenis Wang Sebagai Medium Transaksi Ekonomi	90
2.4.4	Sejarah dan Kemunculan Wang Sebagai Medium Transaksi Ekonomi	92
2.4.5	Revolusi dan Perubahan Sistem Wang Sebagai Medium Transaksi Semasa	93
2.4.6	Konsep dan Pengertian Wang Menurut Perspektif Islam	96
2.4.7	Asas dan Peranan Dinar Emas Sebagai Wang Menurut Sejarah	100
2.4.7(a)	Asas dan Peranan Dinar Emas Menurut Sejarah Sebelum Islam	101
2.4.7(b)	Peranan Dinar Emas Sebagai Wang Menurut Sejarah Era Pemerintahan Islam	103
2.4.7(c)	Peranan Dinar Emas Sebagai Wang Menurut Sejarah Di Alam Melayu	105
2.5	Ulasan Sorotan Karya	109
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	110
2.7	Kesimpulan	112

BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	114
3.2	Reka Bentuk Kajian	114
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	117
3.3.1	Pengumpulan Data Primer	118
3.3.1(a)	Instrumen Kajian	118
3.3.1(a) (i)	Temu Bual Mendalam Separa Berstruktur	120
3.3.1(b) (ii)	Kaedah Pensampelan Data	122
3.3.1(c) (iii)	Pemilihan Informan	123
3.3.1(d) (iv)	Kajian Rintis	129
3.3.2	Pengumpulan Data Sekunder	132
3.4	Kebolehpercayaan Data (Triangulasi)	133
3.5	Kaedah Penganalisan Data	134
3.5.1	Penganalisan Data Primer	135
3.5.2	Penganalisan Data Sekunder	136
3.6	Tatacara Kajian	136
3.7	Kesimpulan	140

BAB 4 ASAS DINAR EMAS SEBAGAI MEDIUM BERWAKAF

4.1	Pendahuluan	141
4.2	Asas Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf	142
4.2.1	Asas Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Menurut al-Qur'an	142
4.2.1(a)	Dalil-dalil Dalam al-Qur'an Mengenai Wakaf	145
4.2.1(b)	Dalil-dalil Dalam al-Qur'an Mengenai Dinar Emas	153
4.2.1(c)	Dalil-dalil Dalam al-Qur'an yang Menyentuh Tentang Dirham dan <i>Wāriq</i>	163
4.2.1(d)	Perbincangan Dalil-dalil al-Qur'an Mengenai Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf	165

4.2.2	Asas Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Menurut al-Hadith	167
4.2.2(a)	al-Hadith Mengenai Wakaf	167
4.2.2(b)	al-Hadith Mengenai Dinar Emas	173
4.2.2(c)	Perbincangan Tentang al-Hadith Mengenai Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf	179
4.2.3	Perkaitan Wakaf Dengan Dinar Emas Menurut al-Qur'an dan al-Hadith	181
4.2.4	Rumusan Perbincangan Asas Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Menurut al-Qur'an dan al-Hadith	183
4.2.5	Asas Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Menurut Sejarah Islam	183
4.2.5(a)	Amalan Wakaf Zaman Sebelum Islam	184
4.2.5(b)	Wakaf Tunai: Pengertian dan Sejarah	187
4.2.5(c)	Amalan Wakaf Tunai Pada Zaman Empayar Uthmāniyyat	190
	4.2.5(c) (i) Mekanisme Pelaksanaan Wakaf Tunai Zaman Empayar Uthmāniyyat	191
	4.2.5(c) (ii) Rumusan Wakaf Tunai Zaman Empayar Uthmāniyyat: Instrumen Dinar Emas	196
4.2.6	Asas dan Pelaksanaan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Di Malaysia	197
4.2.7	Rumusan Asas Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Di Malaysia	209
4.3	Kesimpulan	209

BAB 5 POTENSI PENGGUNAAN DINAR EMAS SEBAGAI MEDIUM BERWAKAF BERDASARKAN PANDANGAN CENDEKIAWAN WAKAF DI MALAYSIA

5.1	Pendahuluan	211
5.2	Pandangan Cendekiawan Wakaf Di Malaysia Terhadap Potensi Penggunaan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf	212
5.2.1	Potensi Berdasarkan Penekanan Kepada Aspek al-Qur'an	

	dan al-Hadith	213
5.2.2	Potensi Berdasarkan Penekanan Kepada Aspek Sejarah Silam	220
5.2.3	Potensi Berdasarkan Keperluan Kepada Sokongan Kerajaan	224
5.2.4	Potensi Berdasarkan Keperluan Kepada Keyakinan Masyarakat Islam di Malaysia	232
5.3	Kaedah Berpotensi: Penggunaan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf	239
5.4	Kelebihan dan Kelemahan Potensi Penggunaan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Di Malaysia	249
5.4.1	Aspek Paling Dominan Berdasarkan Kelebihan dan Kelemahan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf di Malaysia	270
5.5	Sokongan Cendekiawan Wakaf Terhadap Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Di Malaysia	273
5.6	Kesimpulan	277

BAB 6 KESESUAIAN POTENSI PENGGUNAAN DINAR EMAS SEBAGAI MEDIUM BERWAKAF BERDASARKAN PANDANGAN CENDEKIAWAN WAKAF DI MALAYSIA: KAEDAH DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	279
6.2	Pilihan Cendekiawan Wakaf: Penggunaan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Pada Masa Ini	280
6.3	Penggunaan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Di Malaysia Berdasarkan Pandangan Cendekiawan Wakaf	290
6.4	Menilai Kesesuaian dan Ketidaksuaian Pada Masa Ini	291
6.5	Kaedah dan Cadangan: Pandangan Cendekiawan Wakaf Di Malaysia	295
6.5.1	Kewajaran Kaedah Pembentukan Mekanisme Menstabilkan Nilai, Mengapa “Tidak”?	295
6.6	Relevan Pemikiran Cendekiawan Wakaf: Idea dan Cadangan	297
6.6.1	Wakaf Emas Secara Fizikal	297
6.6.2	Wakaf Emas Secara Aliran Tunai	298
6.6.3	Wakaf Berasaskan Produk Yang Mempunyai Jaminan Nilai	299
6.7	Alternatif Instrumen Wakaf Tunai Pada Masa Ini	300
6.8	Kesimpulan	302

BAB 7 PENUTUP

7.1	Pendahuluan	303
7.2	Rumusan Dapatan Kajian	304
7.3	Implikasi Kajian	311
	7.3.1 Implikasi Teoretikal	311
	7.3.2 Implikasi Praktikal	313
	7.3.2(a) Pembuat Dasar	313
	7.3.2(b) MAIN Selaku Pengamal Wakaf	314
	7.3.3(c) Masyarakat	315
7.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	315
	7.4.1 Kajian Perbandingan	316
	7.4.2 Kajian Berkaitan Pembentukan Mekanisme	316
	7.4.3 Kajian Berbentuk Kuantitatif	316
	7.4.4 Kajian Berkaitan Pelaburan Emas dan Perak	317
	7.4.5 Kajian Berkaitan Kefahaman dan Kesedaran dalam Kalangan Pemimpin	317
7.5	Kesimpulan	318
	BIBLIOGRAFI	319

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	28
Jadual 3.1 Senarai Cendekiawan Wakaf daripada Tokoh Agama	124
Jadual 3.2 Senarai Cendekiawan Wakaf daripada Ahli Akademik	125
Jadual 3.3 Senarai Cendekiawan Wakaf daripada Pengamal Wakaf	126
Jadual 3.4 Senarai Informan Kajian Rintis	130
Jadual 3.5 Ringkasan Hubungan antara Objektif Kajian dengan Persoalan Kajian dan Kaedah Analisis Penyelidikan	138
Jadual 4.1 Perbincangan Ayat Tentang Wakaf	143
Jadual 4.2 Perbincangan Ayat Tentang Dinar Emas	153
Jadual 4.3 Perbincangan Ayat Tentang Dirham dan <i>Wariq</i>	163
Jadual 4.4 Perbincangan al-Hadith Tentang Wakaf	171
Jadual 4.5 Perbincangan al-Hadith Tentang Dinar Emas	173
Jadual 4.6 Perkaitan Wakaf dengan Dinar Emas Menurut al-Qur'an	181
Jadual 4.7 Perkaitan Wakaf dengan Dinar Emas Menurut al-Hadith	182
Jadual 4.8 Penemuan Tentang Wakaf Zaman Uthmāniyyat	192
Jadual 4.9 Maklumat Daftar Wakaf Zaman Uthmāniyyat	193
Jadual 5.1 Aspek Kelebihan Ke Arah Potensi Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf di Malaysia	257
Jadual 5.2 Aspek Kelemahan dan Kekangan Pelaksanaan	269
Jadual 5.3 Aspek Paling Dominan Berdasarkan Kelebihan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf	271
Jadual 5.4 Aspek Paling Dominan Berdasarkan Kelemahan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf	272
Jadual 5.5 Taburan Sokongan Cendekiawan Wakaf Terhadap Penggunaan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf	274

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Kerangka Konseptual Kajian	111
Rajah 3.1 Tatacara Pelaksanaan Kajian	137
Rajah 4.1 Tujuan atau <i>Maqāṣid</i> Pensyariatan Wakaf	194
Rajah 5.1 Kaedah Mendesak dan Mempengaruhi Pihak Kerajaan	240
Rajah 5.2 Kaedah Kerjasama R & D <i>Group Research</i> dengan Pihak Parlimen	242
Rajah 5.3 Kaedah Matlamat dan Pilihan Sistem Wakaf	245
Rajah 5.4 Kaedah Gabungan Bidang Profesional dan Bidang Agama	247
Rajah 5.5 Kelebihan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf	250
Rajah 5.6 Kelemahan Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf	259
Rajah 6.1 Kaedah dan Cadangan Menstabilkan Dana Terkumpul	292
Rajah 6.2 Kaedah Pembentukan Mekanisme Menstabilkan Nilai Dalam Wakaf Tunai	293
Rajah 6.3 Alternatif Instrumen Wakaf Tunai Masa Ini	300

SENARAI SINGKATAN

Agrobank	Bank Pertanian Malaysia Berhad
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nation</i>
BIIF	Lembaga Syariah Dana Pelaburn Islam Brisbane
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BMMB	Bank Muamalat Malaysia Berhad
BNM	Bank Negara Malaysia
BPA	Sistem Pembayaran Dua Hala
BRMB	Bank Rakyat Malaysia Berhad
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur
BSM	Bank Syariah Mandiri
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
HAMKA	Haji Abdulmalik Abdulkarim Amrullah
hlm.	Halaman
ICIEF	<i>International Conference on Islamic Economic and Civilization</i>
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IMF	<i>International Monetary Fund</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
I-REIT	Wakaf Amanah Pelaburan Hartanah Islam
ISRA	Akademi Penyelidikan Syariah Antarabnagsa
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
KFH	Kuwait Finance House
KGT	Kelantan <i>Gold Trade</i> Sdn Bhd

KPPS	Kaedah Keperluan Perbankan Pecahan Simpanan
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KTC	Pusat Dagangan Kelantan
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIJ	Majlis Agama Islam Johor
MAIK	Majlis Agama Islam Negeri Kedah
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MARSAH	Kolej Pengajian Islam Johor
MPA	Sistem Pelbagai Hala
MSC	<i>Multimedia Super Corridor</i>
MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
No	Nombor
OIC	<i>Organisation of Islamic Cooperation</i>
PB	Public Bank Berhad
PCU	Panel Cendekiawan Ulun
PEPS	Pelaburan Emas Patuh Syariah
PKNP	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
PMBK	Perbadanan Menteri Besar Kelantan
PTW	Pelan Takaful Wakaf
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
PWS	Perbadanan Wakaf Selangor
r.a.	<i>Radiya Allah 'anh</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini umumnya bertujuan meneliti potensi penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf berdasarkan pandangan cendekiawan wakaf di Malaysia. Secara khusus, kajian ini bertujuan meneliti penggunaan dinar emas sebagai mekanisme wakaf tunai kerana dinar emas dilihat sebagai instrumen pertukaran yang baik dan dianggap satu logam yang bernilai dan tidak luput ditelan zaman. Penelitian ini bertujuan mengenal pasti asas dinar emas sebagai medium berwakaf. Beberapa persoalan berkaitan asas dikemukakan, pertama berhubung peranan dinar emas sebagai wang. Kedua, asasnya sebagai medium berwakaf dalam al-Qur'an dan al-Hadith. Penelitian dalam al-Qur'an dan al-Hadith menjadi kepentingan kerana al-Qur'an merupakan sumber utama yang perlu dirujuk dalam Islam. Begitu juga dengan al-Hadith yang menjadi sumber rujukan kedua dalam Islam.

Dengan sebab itu, penelitian ke atas kedua-dua sumber tersebut adalah menjadi tunjang utama. Ketiga, asas dinar emas sebagai medium berwakaf dalam sejarah Islam. Keempat, asas dinar emas sebagai medium berwakaf di Malaysia. Seterusnya, analisis dilakukan terhadap potensi penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf menurut pandangan cendekiawan wakaf di Malaysia. Pada akhirnya, bertujuan merumus kesesuaian penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf pada masa ini menurut pandangan cendekiawan wakaf di Malaysia.

Sehubungan itu, kajian ini bermula dengan bab pertama yang menggariskan beberapa bahagian yang dibincangkan secara terperinci pengenalan kajian mencakupi latar belakang kajian yang membincangkan perihal kajian secara umum. Setelah itu, diikuti dengan beberapa bahagian yang lain antaranya pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, definisi operasional kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian dan sumbangan kajian. Seterusnya organisasi tesis dalam kajian ini sebagai bahagian terakhir yang dibincangkan dalam bab pertama.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Secara umumnya, amalan berwakaf dilihat dapat memberi kesan yang besar kepada proses pengalihan manusia secepat ke arah memperolehi sumber kekayaan yang membawa kepada pembangunan dan kemajuan secara menyeluruh. Sistem wakaf sebenarnya mempunyai sesuatu hikmah yang penuh dengan intipati tersurat dan tersirat agar diterokai dengan lebih mendalam oleh umat Islam khususnya, supaya kesan daripada amalan tersebut dapat dirasai dan diteladani. Berikutan itu, matlamat wakaf seharusnya diamati dan difahami melalui dua tunjang utama. Pertama, intipati tersurat yang dimaksudkan adalah mencakupi perkara-perkara yang dapat dilihat oleh pancaindera manusia seperti memperolehi, menggunakan, membangunkan dan memakmurkan. Keberadaan intipati tersurat yang dapat difahami dengan lebih mudah adalah dengan dapatan yang diperolehi daripada amalan wakaf antaranya memperolehi harta bernilai seperti tanah, bangunan dan wang ringgit. Dengan perolehan itu, manusia mendapat kebaikan daripada amalan tersebut. Kedua, intipati tersirat adalah berbeza sama sekali apabila diperolehi melalui perkara-perkara yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera manusia seperti pahala, keberkatan hidup dan

amalan baik yang secara tidak langsung diperolehi oleh seseorang Muslim yang melaksanakan amalan wakaf.

Berdasarkan itu, pentakrifan amalan wakaf sudah pastinya mempunyai pengertian yang membawa manusia ke arah kebaikan dan sesuatu yang tidak membebankan untuk diamalkan. Dengan sebab itu, penekanan kepada amalan wakaf adalah bermatlamat sebagai amalan kebajikan yang dilakukan untuk memperolehi pahala yang berkekalan selama mana harta yang diwakafkan tersebut masih berguna dan bermanfaat kepada orang lain (Abd Shakor Borham, 2011). Dalam pada itu, pentakrifan oleh para fuqaha secara jelas melihat bahawa amalan wakaf sebagai satu bentuk kontrak muamalat yang melibatkan dalil, hukum, rukun dan syarat bagi memastikannya sah di sisi Islam terutama membabitkan mekanisme dan jenisnya. (Muna Sulaiman, Mokhtar Ismail, Mohd Isa Mohd Deni & Hairullfazli Muhammad Som, 2015). Justeru itu, harta yang hendak diwakafkan oleh seseorang Muslim terdiri daripada pelbagai bentuk dan jenisnya. Asmak Ab Rahman (2009) menjelaskan berkenaan dengan jenis-jenis harta wakaf adalah melibatkan harta tak alih dan harta alih. Menurutnya, mengenai harta tak alih pada kebiasaannya diwakafkan pada amalan tradisi seperti tanah dan bangunan, manakala barangan seperti wang, buku dan sejadah adalah dikategorikan sebagai harta alih. Sementara itu, prinsip wakaf adalah memberi penekanan kepada harta yang bersifat kekal.

1.2.1 Amalan Wakaf Tunai Pada Masa Ini

Secara jelasnya apabila berbalik kepada situasi pada masa ini, bentuk harta wakaf alih seperti wakaf tunai dilihat semakin popular dan mendapat perhatian yang lebih

khusus oleh pihak pengendalian harta-harta wakaf. Perkara ini disokong oleh kajian Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan dan Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad (2016) yang memberi bayangan tentang situasi suatu ketika dahulu bahawa peranan wakaf telah mengalami kemerosotan kerana tidak diurus secara efisien sebagai sebuah institusi kebajikan yang mempunyai fungsi dan kekuatan ekonomi, namun menurut mereka kesedaran bagi memberi nafas baharu terhadap fungsi wakaf semakin mendapat perhatian umat Islam terutama wakaf tunai.

Oleh kerana itu, pelaksanaannya semakin meluas dan menjadi salah satu bentuk wakaf yang boleh dikatakan bersifat moden dan dilihat memberi pulangan yang lebih baik kepada masyarakat. Bentuk perwakafan seperti wakaf tunai seumpama ini terbukti berkesan melalui produktiviti yang terhasil dibandingkan dengan wakaf tanah dan wakaf bangunan yang hanya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat yang berlegar di kawasan tanah dan bangunan yang diwakafkan sahaja. Keterhadan ini terjadi apabila harta-harta yang diwakafkan terletak di lokasi yang kurang strategik dan tidak mempunyai nilai untuk pembangunan. Rentetan masalah tersebut, pembangunan harta wakaf sebegitu sukar untuk dikembangkan dan dimajukan (Muhammad Zaim Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli, 2015). Oleh yang demikian, penyelesaian terhadap masalah berkenaan adalah menjadikan wang sebagai mekanisme yang dilihat bersifat fleksibel apabila tidak mempunyai batas kawasan dan wilayah, maka dengan sifat wang tersebut penggunaannya dapat dimanfaatkan secara menyeluruh. Dengan sebab itu, kewujudan wakaf yang menggunakan wang pada masa ini terbukti memudahkan masyarakat Islam untuk menambah amal kebajikan dan perwakafan sedemikian telah ditekankan oleh institusi wakaf di Malaysia seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) kepada

pelanggan secara konsisten (Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda, 2015). Hasil usaha dan penekanan yang dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab sedikit sebanyak berjaya mengubah anggapan masyarakat tentang wakaf yang pada dahulunya hanya dianggap sebagai ibadah semata-mata, namun telah dibangunkan dengan perspektif kewangan Islam dengan terhasilnya produk-produk aplikasi wakaf yang berupaya meningkatkan dana wakaf (Muhamad Zaim Ismail, Muhammad Ikhlis Rosele & Mohd Anuar Ramli, 2015).

Satu langkah bijak yang telah diambil dalam meningkatkan dana wakaf ialah melalui perancangan pembangunan wakaf secara tersusun yang menjana pulangan secara konsisten oleh pihak yang bertanggungjawab, seumpama peranan yang dimainkan oleh MAIN dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) antaranya mengumpul dana dan melancarkan wakaf tunai yang diperluaskan ke seluruh negara (Anan C. Mohd, 2012). Memandangkan pelbagai usaha telah dilaksanakan, maka amalan wakaf tunai pada masa ini dilihat memberi potensi yang sangat luas kepada pembangunan sesebuah negara khususnya di Malaysia.

Oleh yang demikian, pelbagai pendekatan aplikasi wakaf tunai telah dibina dan sedang dibina oleh pihak bertanggungjawab bagi memastikan berwakaf dalam bentuk wang dapat memberi lebih nilai tambah kepada masyarakat.

1.2.2 Bentuk dan Model Aplikasi Wakaf Tunai Pada Masa Ini

Pelbagai bentuk pendekatan wakaf tunai telah direncanakan oleh pihak bertanggungjawab ke atas harta-harta wakaf terbukti fenomena ini telah

menyumbang kepada kepelbagaian bentuk dan model aplikasi wakaf tunai. Penelitian terhadap amalan berwakaf semasa mendapati bahawa terdapat pelbagai bentuk wakaf tunai yang diamalkan di seluruh dunia pada hari ini seperti saham wakaf, wakaf saham, wakaf takaful, wakaf tunai produk deposit dan wakaf tunai korporat (Razali Othman, 2014). Sementara itu, pendekatan yang sedia ada di Malaysia, sebelum ini memperlihatkan bahawa wakaf tunai telah mempunyai asas yang tersendiri apabila sistem perwakafan secara tunai ditawarkan pada beberapa negeri di Malaysia. Sebagai contohnya di Negeri Pahang, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) sedia menawarkan aplikasi wakaf tunai dengan membuka peluang kepada umat Islam yang berminat untuk melakukan ibadat wakaf dengan membuat pembelian unit-unit saham yang ditawarkan dengan harga minimum RM10.00 dan tiada had dikenakan terhadap pembelian unit-unit wakaf tersebut (Zool Hilmi Othman & Md Yazid Ahmad, 2015).

Fenomena yang sama juga turut berlaku di Negeri Pulau Pinang apabila tertubuhnya Skim Dana Wakaf Pulau Pinang yang diwujudkan melalui peruntukan syeksen 90 (4), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993 (Mohamad Salleh Abdullah, 2009). Sehubungan dengan penawaran skim tersebut, beberapa keistimewaan diperkenalkan antaranya pewakaf hanya memerlukan jumlah sebanyak minimum RM5.00 untuk membuat sumbangan. Bagi kaedah kutipan dana wakaf, kutipan diperolehi dengan pelbagai kaedah yang diwujudkan antaranya kaedah melalui potongan gaji, pengedaran risalah-risalah dan pembukaan kaunter ataupun hebahan menggunakan laman sesawang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) (Che Khadijah Hamid, 2010). Sementara itu, di Negeri Kedah melalui Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) kaedah pelaksanaan wakaf tunai

yang diamalkan adalah turut mempunyai persamaan dengan negeri-negeri lain. Beberapa kaedah untuk menyertai wakaf tunai di Kedah adalah merangkumi perkhidmatan kaunter, pembayaran melalui perbankan internet, cek dan potongan gaji. Walau bagaimanapun, tiada jumlah minimum atau maksimum yang ditetapkan kepada seseorang pewakaf di negeri tersebut (MAIK, 2017). Kemudian, di Negeri Terengganu pula wakaf tunai telah diletakkan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Penekanan kaedah penjanaan dana wakaf tunai di Terengganu bermatlamat membina binaan kekal untuk mendapatkan hasil. Pembinaan kekal yang dimaksudkan mencakupi perladangan, bangunan, perniagaan dan perindustrian. Hasil daripada penjanaan dana tersebut dibahagikan kepada dua bahagian, pertama dilaburkan semula dalam bentuk sijil kewangan dan hartanah kemudian bahagian kedua digunakan sebagai kebajikan masyarakat (MAIDAM, 2017). Di Negeri Kelantan, pelaksanaan wakaf tunai dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang telah mendapat kelulusan pada 9 Jun 2013 dan matlamat penubuhannya mempunyai persamaan dengan negeri-negeri lain iaitu menumpukan kepada pembinaan aset-aset kekal (MAIK, 2017).

Berdasarkan perkembangan tersebut, keberhasilan produk-produk wakaf tunai yang dilaksanakan pada masa ini sedikit sebanyak dipengaruhi daripada penggunaan teknologi semasa yang banyak membantu dan menyumbang ke arah kejayaan wakaf tunai. Perkara ini terbukti apabila penggunaan teknologi mudah alih seperti mesej pesanan ringkas (SMS) dan pemindahan wang menerusi bank mempamerkan ciri-ciri wakaf tunai yang mesra pelanggan, luwes, mudah, kreatif dan inovatif (Razali Othman, 2014). Beberapa kejayaan terhasil dengan bantuan instrumen teknologi

semasa dapat dilihat antaranya pada September 2012 sebuah syarikat kewangan Islam iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) memperkenalkan skim wakaf tunai yang dikenali sebagai Wakaf Selangor Muamalat (WSM). Hasil kerjasama tersebut telah memberi kemudahan kepada masyarakat Islam apabila setiap sumbangan wakaf boleh dilakukan melalui perbankan internet (Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 2014).

Dalam pada itu, pemikiran yang inovasi merupakan elemen penting yang perlu wujud supaya pembangunan dan penyelenggaraan wakaf dapat dilakukan secara berterusan. Keberhasilan produk-produk wakaf juga bergantung kepada institusi pengurusan selaku pemegang amanah dalam meneroka penjana modal pembangunan projek-projek wakaf menggunakan instrumen kewangan dalam pasaran modal. Terdapat beberapa cadangan agar bentuk dan aplikasi wakaf dapat dijalankan antaranya melalui penjana modal menggunakan sukuk yang boleh menjana pasaran modal berskala besar. Perkara ini kerana, sukuk dilihat berpotensi menjadi penjana kepada keperluan modal untuk membangun, menyelenggara, membuat pelaburan baharu serta sebagai instrumen untuk perwakafan dalam kategori wakaf tunai (Md Nurdin Ngadimon, 2015). Cadangan ke atas instrumen kewangan Islam turut tertumpu kepada aplikasi takaful ke dalam model wakaf. Pada hakikatnya, Pelan Takaful Wakaf (PTW) pernah dilaksanakan di Malaysia oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada tahun 2002 dan diguna pakai sehingga tahun 2009, inisiatif yang diambil adalah melalui gabungan antara takaful dan wakaf, namun pelan yang dilaksanakan adalah berbeza dengan pelan yang dilaksanakan di Pakistan, pendekatan yang diambil adalah menggunakan kontrak *mudārabat* (Wan

Mohd Al Faizee Wan Ab Rahman & Salmy Edawati Yaacob, 2014). Dasar pembentukan takaful berasaskan wakaf bergantung pada beberapa perkara berkaitan hukum wakaf. Pertama, wakaf wang yang dihukumkan harus dan kedua pewakaf berhak mengambil manfaat daripada harta yang diwakafkan. Ketiga, sebarang sumbangan yang disumbangkan kepada harta wakaf tidak dianggap sebagai wakaf. Keempat, wakaf mesti dilakukan untuk pihak yang wujud secara berterusan (Azman Mohd Noor & Mohamad Sabri Zakaria, 2010). Walau bagaimanapun, apabila meneliti perkembangan PTW di Malaysia, aplikasi sebegini sudah tidak diamalkan di Malaysia semenjak tahun 2009 dalam sistem kewangan Islam. Dengan sebab itu, Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahman dan Salmy Edawati Yaacob (2014) melihat bahawa satu pemikiran yang inovatif perlu dilakukan antaranya mencadangkan agar PTW perlu dibawa semula ke pasaran semasa dengan menyepadukan wakaf dalam polisi takaful dengan menggunakan model berbeza daripada apa yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Selanjutnya, perbincangan diteruskan kepada bentuk dan aplikasi wakaf tunai yang menumpukan ke arah entiti korporat misalnya Wakaf Korporat *Johor Corporation* (JCorp), merupakan salah satu bentuk wakaf kontemporari dan wakaf yang diadaptasi daripada wakaf saham Islam iaitu dilakukan dengan mewakafkan sejumlah saham yang dimiliki oleh individu atau syarikat dengan mengagihkan bahagian keuntungan kepada masyarakat (Abd. Shakor Borham & Siti Mashitoh Mahamood, 2013). Setelah dibuat penelitian, JCorp telah melaksanakan wakaf korporat melalui *Wakaf An-Nur Corporation* (*wanCorp*) dan mewakafkan saham miliknya yang bernilai RM200 juta bagi memfokuskan kepada aspek kesihatan yang

secara tidak langsung menyumbang kepada kebajikan dan kesejahteraan masyarakat (Asharaf Mohd Ramli & Abdullaah Jalil, 2014).

Selain wakaf korporat, bentuk dan aplikasi wakaf tunai yang turut menjadi tumpuan pada masa ini adalah aplikasi wakaf berasaskan *crowdfunding*. Secara dasarnya, aplikasi ini adalah salah satu cara untuk mencari dana wakaf dan menjadikan kaedah teknologi sebagai mekanisme utama seperti mana penjanaan dana melalui *online* atau *website*. Pemahaman yang mudah untuk difahami mengenai wakaf berasaskan *crowdfunding* adalah bertujuan meningkatkan pembiayaan wakaf di seluruh dunia dengan cara moden. Walau bagaimanapun, tumpuan dan penggunaan wakaf berasaskan *crowdfunding* masih di peringkat awal dan didapati bahawa kajian-kajian akademik yang membincangkan tentang perkara ini juga adalah terhad (Nur Aqidah Suhaili & Mohd Rizal Palil, 2016). Pendekatan *crowdfunding* sebegini dilihat sebagai salah satu pemikiran inovatif yang mampu membawa perkembangan dan peningkatan terhadap kemajuan bidang wakaf. Sehubungan dengan itu, apabila penelitian pada keseluruhan perbincangan jelas bentuk dan aplikasi wakaf tunai mampu menjana dana yang lebih progresif terutama pada zaman yang serba canggih pada masa ini. Di samping itu, keberkesanan wakaf tunai dilihat apabila amalan tersebut dijadikan sebagai mekanisme pelaburan oleh pihak-pihak pengendalian wakaf, dengan kerjasama pihak kewangan Islam di Malaysia khususnya.

1.2.3 Wakaf Tunai Sebagai Mekanisme Pelaburan Pada Masa Ini

Secara jelasnya, didapati bahawa institusi wakaf juga turut sama terlibat dengan aktiviti pelaburan. Gabungan antara kedua-dua cabang tersebut telah menghasilkan

satu mekanisme pelaburan dalam amalan wakaf. Secara tidak langsung, aspek pelaburan yang dimaksudkan adalah mengenai wakaf tunai yang menjadikan instrumen wang sebagai instrumen berwakaf. Penghujahan berkenaan pelaburan telah dikaitkan sebagai salah satu mekanisme yang baik kepada umat Islam. Perkara ini berikutan, pelbagai aspek pelaburan yang dilihat dapat memberi kebaikan kepada manusia sejagat. Berasaskan perkara tersebut, Islam menggalakkan aktiviti pelaburan dijalankan untuk membolehkan umatnya maju terutama dalam bidang ekonomi. Justeru, salah satu cara terbaik bagi umat Islam untuk mengembangkan hartanya adalah dengan menabung dan menyimpan demi kelangsungan hidup pada masa hadapan (Roslina Hashim & Rahisam Ramli, 2015). Selain itu, pelaburan juga disifatkan sebagai salah satu kaedah untuk menghasilkan dan mengembangkan harta, maka apabila meneliti kepada bidang ilmu pengurusan harta, Islam telah menggariskan penghasilan harta sebagai satu asas permulaan seseorang dalam interaksinya dengan harta (Abdul Musyrif Mohamad Khalil & Mat Noor Mat Zain, 2013).

Berhubung permulaan interaksi seseorang dengan hartanya, dalam amalan wakaf tunai didapati terdapat dua bentuk pelaburan yang dapat diperolehi dan dibentuk. Pertama merangkumi pelaburan untuk akhirat, apabila seseorang Muslim yang melaksanakan amalan wakaf pahala yang berterusan diperolehi daripada amalan tersebut. Kedua, pelaburan bagi menjana dana untuk mendapatkan hasil yang lebih efektif agar aktiviti pembangunan untuk kebajikan masyarakat dapat dijalankan dengan lebih rancak. Pada peringkat institusi wakaf, bagi menjamin peningkatan kualiti hidup masyarakat Islam, kerjasama erat daripada institusi wakaf yang berperanan secara signifikan terhadap pembangunan dan kesejahteraan ekonomi

umamah amat diperlukan. Sehubungan dengan peranan tersebut, institusi wakaf memainkan tanggungjawab dengan melaksanakan strategi pelaburan harta wakaf secara mampan yang perlu menggabungkan aspek penghayatan terhadap objektif penubuhan wakaf, pematuhan prinsip syariah dalam mekanisme pelaburan, strategi peruntukan aset, mempelbagaikan pilihan pelaburan, serta pengurusan risiko yang cekap menerusi jaminan pengekalan modal aset wakaf merupakan antara faktor yang penting bagi memaksimumkan pulangan pelaburan wakaf (Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan & Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad, 2016). Penghayatan-penghayatan tersebut dapat menjamin strategi pelaburan agar berjalan dengan mengambil kira pelbagai aspek melalui amalan berwakaf.

Selain itu, apabila mengambil kira pelbagai sektor di Malaysia misalnya sektor pendidikan, untuk menjamin kestabilan jangka panjang pelaburan wakaf, kebijaksanaan dalam memilih kaedah wakaf yang relevan dan bersesuaian amat dititikberatkan. Terdapat kajian yang dilakukan oleh Roslina Hashim, Rahisam Ramli, Nur Farhana Dahalan, Nur Yuhanis Ismon dan Shahrina Romli (2015) mengemukakan beberapa instrumen wakaf yang menjadi sumber pelaburan bagi menggalakkan pertumbuhan dan penjanaaan dana wakaf misalnya melalui Institut Pengajian Tinggi (IPT). Instrumen wakaf yang ditekankan dalam kajian mereka ialah wakaf berasaskan Sukuk *Musyarakat*, Sukuk *Ijārat*, Wakaf Korporat dan Wakaf Amanah Pelaburan Hartanah Islam (I-REIT) dicadangkan agar dilaksanakan bagi meningkatkan penjanaaan wakaf di IPT. Sementara itu, dana wakaf boleh juga dilaburkan dalam instrumen-instrumen pelaburan berasaskan syariah yang menjana keuntungan dalam bentuk dividen. Bagi memastikan aspek pelaburan ini dilakukan secara efisien dan telus, pihak pengurusan boleh melantik syarikat berkaitan terutama

pihak kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam pelaburan aset-aset tunai diambil kira sebagai memajukan sektor pendidikan di Malaysia (Asharaf Mohd Ramli, Mustafa Omar Mohamed, Abdullaah Jalil & Suhaila Abdul Hamid, 2015).

Sektor-sektor lain merangkumi kebajikan, perindustrian, perniagaan, perkhidmatan, perladangan, perikanan, perhotelan, pelancongan dan kesihatan turut sama tidak terkecuali berpotensi dijadikan sebagai sektor tumpuan untuk meningkatkan pembangunan melalui proses pelaburan berasaskan wakaf tunai. Perkara ini berikutan keberhasilan wakaf tunai yang dilihat memberi solusi kepada pelbagai permasalahan dalam pembangunan sesebuah negara.

1.2.4 Potensi dan Sumbangan Wakaf Tunai Pada Masa Ini

Pada umumnya, keberhasilan wakaf tunai saling berkait dengan potensi dan sumbangan yang cukup besar kepada masyarakat Islam pada masa ini. Melihat kepada keadaan ekonomi semasa, terdapat pelbagai potensi wakaf tunai yang mampu memberikan sumbangan untuk dijana dan diperluaskan oleh umat Islam (Ahmad Zaki Abdul Latif & Norahayati Hassan, 2005). Beberapa seruan agar potensi wakaf tunai dapat dicapai melalui aktiviti memperluaskan dan memantapkan konsep-konsep wakaf semasa misalnya dalam bentuk dan aplikasi wakaf yang pelbagai. Sebagaimana perbincangan sebelum ini terutama wakaf dalam bidang korporat dan transaksi saham wakaf yang dikenal pasti membawa kemajuan kepada umat Islam (Che Zuina Ismail, 2005). Sejarah dengan wakaf tunai pada masa ini yang terbina berlandaskan kepentingan untuk agihan kekayaan kepada seluruh masyarakat. Asmak Ab Rahman (2009) yang menekankan kepada kepentingan agihan kekayaan

yang merujuk kepada pengaliran harta daripada sebahagian masyarakat kepada masyarakat yang lain sama ada dalam bentuk wang mahupun barangan. Agihan kekayaan harta wakaf juga turut menyumbang kepada beberapa sumber pembiayaan penting kepada masyarakat di Malaysia khususnya begitu juga di seluruh dunia. Fenomena yang berlaku di Malaysia antaranya Negeri Selangor telah melaksanakan agihan sumbangan dana wakaf kepada sumber pembiayaan berbentuk pembinaan bilik mesyuarat masjid, pembinaan surau, pembinaan masjid, pembinaan kem dan pembinaan klinik wakaf (Hasliza Talib, Nazneen Ismail & Nurzatil Ismah Azizan, 2015). Perkembangan yang dibawa melalui sumber pembiayaan tersebut secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan pihak-pihak tertentu terhadap pihak kerajaan kerana dana wakaf yang terkumpul dijana dengan berkesan melalui pencapaian projek-projek pembangunan yang dirancang (Ahmad Zaki Abdul Latiff, Abdul Halim Ramli & Norahayati Hassan, 2005).

Selain potensi dan sumbangan dalam bentuk fizikal, dana wakaf tunai juga dilihat mampu dijana dengan lebih berkesan melalui aspek pembinaan model berasaskan model pelaburan mikro yang mampu berdaya maju. Model yang dicadangkan dijangka menyediakan perkhidmatan kewangan dengan menggunakan dana wakaf tunai dan melibatkan kontrak penyertaan antara organisasi bukan keuntungan dan perniagaan secara mikro. Di samping itu, cadangan model berkenaan tidak akan melibatkan cagaran, kadar faedah dan keperluan lain seperti mana yang dikenakan oleh institusi kewangan konvensional yang sedia ada (Mohamed Asmy Mohd Thas Thaker, Mustafa Omar Mohammed, Jarita Duasa & Moha Asri Abdullah, 2014).

Berdasarkan penghasilan model tersebut penjaan dana wakaf dapat diuruskan dengan lebih efektif. Dalam konteks yang berbeza, wakaf tunai turut dilihat berpotensi untuk dibangunkan kepada sumber pembiayaan secara mikro untuk golongan pelarian. Golongan pelarian yang dimaksudkan adalah mencakupi golongan manusia tiada tempat tinggal akibat peperangan, penindasan dan penghapusan etnik. Mereka mencari perlindungan di tempat-tempat lain yang dirasakan lebih selamat. Penelitian awal mendapati bahawa ramai pelarian mempunyai kemahiran dan bakat yang boleh dipasarkan untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi mereka. Dengan sebab itu, wakaf tunai dicadangkan sebagai dana secara pembiayaan secara mikro kepada pelarian dalam bidang keusahawanan (Omar Ahmad Kachkar , 2017).

Sumber-sumber pembiayaan tersebut secara jelas mempamerkan bahawa wakaf tunai berpotensi dan memberi sumbangan secara langsung kepada umat Islam sama ada dalam bentuk fizikal dan bentuk-bentuk lain antaranya pembinaan bangunan-bangunan yang dijalankan kerana mampu memberi lebih nilai tambah kepada masyarakat terutama aspek pendidikan, keagamaan dan kesihatan. Bentuk-bentuk lain seperti pembinaan model untuk sumber pembiayaan perniagaan secara langsung membuka peluang luas kepada masyarakat menjana pendapatan. Begitu juga di peringkat global, dana wakaf tunai dapat dijana menggunakan model untuk golongan pelarian yang berpotensi luas mengurangkan kadar kemiskinan serta sekali gus menyelesaikan isu-isu berkaitan pelarian khususnya. Oleh yang demikian, asas kepada perkembangan yang diteliti, sememangnya wakaf tunai telah menjadi satu produk kewangan Islam yang diyakini dapat membawa pembaharuan yang cukup berkesan kepada proses memajukan dan membangunkan sosio ekonomi sesebuah

negara. Justeru, wakaf tunai menjadi tunjang keyakinan terhasil pelbagai aktiviti produktiviti yang lebih cerah berbanding kaedah wakaf berbentuk tradisional yang sedia ada.

1.2.5 Mekanisme Penggunaan Wang *Fiat* Sebagai Medium Berwakaf Pada Masa Ini

Memandangkan wakaf tunai dilihat sebagai salah satu produk wakaf yang mempunyai keberhasilan yang tersendiri, dengan segala usaha yang dilaksanakan memberi kesan dan sumbangan secara menyeluruh termasuklah dalam sektor pendidikan, pertanian, perumahan, kesihatan, kebajikan, pembasmian kemiskinan, peningkatan ekonomi dan peribadatan. Menurut Zool Hilmi Othman dan Md Yazid Ahmad (2015) yang meneliti situasi di Malaysia, mereka menyatakan pembangunan harta wakaf telah lama berkembang, pelbagai kaedah yang difikirkan untuk menggalakkan umat Islam dan orang bukan Islam berwakaf dengan cara lebih baik.

Situasi ini turut disokong oleh kaedah dan pelaksanaannya yang amat memudahkan masyarakat Islam kerana tidak perlu bersusah payah memandangkan tindakan untuk berwakaf hanya berada di hujung jari terutama dalam dunia yang penuh kecanggihan ini. Terciptanya kaedah dan aplikasi berwakaf berbentuk SMS, perbankan internet dan terus melalui potongan gaji sememangnya membawa masyarakat Islam sangat dekat dengan amalan berwakaf. Begitu juga dengan terbentuknya pelbagai produk wakaf kontemporari yang ditawarkan oleh pelbagai pihak seperti saham wakaf, penerbitan sukuk, wakaf tunai, pelan takaful wakaf, wakaf REIT dan bon wakaf (Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid, 2014) dilihat memberi anjakan baharu kepada pihak pengurusan wakaf di Malaysia.

Pada pihak pentadbiran yang bertanggungjawab ke atas harta wakaf pula situasi sebegini sangat memudahkan dan mempercepatkan proses pengumpulan dana dalam satu-satu masa. Kreativiti pihak pentadbiran dalam mencorak dan membina strategi untuk menarik lebih ramai pewakaf mengundang kepada kejayaan yang lebih baik daripada amalan wakaf tunai. Manfaat bukan sahaja dapat dijana melalui bentuk fizikal, malahan aspek dalaman seseorang pewakaf yang semata-mata bermatlamat mencari dan memperolehi pahala berterusan. Pahala yang berterusan yang dijanjikan Allah SWT sudah pasti sangat ingin dikecapi oleh hamba-hamba Allah SWT dengan cara berwakaf. Di sebalik keutamaan tersebut, satu penelitian terhadap mekanisme yang diguna pakai pada masa ini perlu diambil pertimbangan. Pada hakikatnya, pada hari ini perwakafan dalam bentuk tunai menggunakan wang *fiat*. Memandangkan mekanisme tersebut dijadikan medium berwakaf maka satu kenyataan yang terungkap menjadi tanda tanya dalam kajian ini, Apakah wang *fiat* tidak memberi sebarang keraguan kepada amalan berwakaf tersebut?

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan perbincangan sebelum ini mempamerkan wakaf menggunakan wang mempunyai beberapa penelitian yang diutarakan antaranya aspek amalan, pelaburan, potensi, sumbangan dan bentuk aplikasi wakaf tunai pada masa ini. Kerancangan umat Islam terhadap amalan wakaf berbentuk tunai didapati terdapat tiga isu penting telah dikenal pasti. Isu pertama adalah berkenaan penggunaan wang itu sendiri, konsep wakaf tunai pada masa ini adalah menggunakan wang *fiat* sebagai mekanisme berwakaf. Persoalan mengenai wang *fiat* ternyata agak rumit, antaranya persoalan mengenai apakah duit kertas yang ada di sekeliling kita pada hari ini dan

bagaimanakah duit tersebut dicipta? Siapa yang mencetaknya dan atas dasar apakah? (Zaharuddin Abd. Rahman, 2010). Sehubungan dengan itu, penggunaan mekanisme tersebut diamati memerlukan perincian ke atasnya, memandangkan wang *fiat* tidak bersandarkan dengan sebarang nilai *instrinsik*, nilainya pula ditentukan secara apungan dan diuruskan secara *legal tender*. Berdasarkan penelitian terhadap wang *fiat*, terdapat beberapa kelemahan yang sering diutarakan mengenainya.

Secara umumnya, sistem wang *fiat* dilihat mempunyai elemen-elemen riba yang dicetuskan melalui sistem perbankan. Dasar penciptaan wang *fiat* menerusi Kaedah Keperluan Perbankan Pecahan Simpanan (KPPS) atau *Fractional Reserves Banking* telah menyumbang kepada persoalan riba dalam wang *fiat*. KPPS merupakan amalan di mana bank diwajibkan menyimpan sejumlah rizab tertentu di Bank Pusat dan menggunakan sebahagian yang lain untuk memberi pinjaman. Menerusi KPPS bank boleh mencipta wang tanpa had dengan menerbitkan pinjaman atau hutang melalui wang yang disimpan oleh pengguna (Razali Othman, 2014). Keuntungan atau lebihan seperti mana riba didapati melalui kaedah bank yang mencipta kredit berganda dan wang mengikut kaedah ini juga tidak membolehkan masyarakat menebus dengan emas yang menjadi sandaran (Salmi Edawati Yaacob, 2015).

Secara dasarnya, sistem ini telah menimbulkan ketidakadilan dalam masyarakat berikutan para pemberi modal iaitu pihak bank yang pasti memperolehi keuntungan tanpa mengambil tahu asas peminjam dana tersebut. Sekiranya perniagaan peminjam bermasalah, peminjam harus juga membayar kembali modal yang dipinjamkan daripada pemodal yang ditambah dengan faedah pinjaman. Dalam keadaan ini,

penindasan berlaku ke atas peminjam modal (Mannan Sadeq, 1989)¹. Mengambil kira situasi di Malaysia, syarat yang ditetapkan ialah 4 peratus daripada jumlah simpanan seseorang pendeposit. Justeru untuk memahami dengan lebih jelas tentang proses pinjaman kaedah KPPS atau *Fractional Reserves Banking* dengan lebih mudah, sebagai contoh seperti berikut:

“Katakan kita berada di sebuah negara yang meletakkan 20 peratus sebagai *fractional reserves requirement*, maka berlakulah seperti berikut; John menyimpan wang tunai sebanyak RM1000 di Bank A. Bank A menerimanya dan tidak menggunakan 20 peratus daripada jumlah itu iaitu RM200 manakala bakinya sebanyak RM800 boleh dipinjamkan. Katakan pula, Encik Umar membeli perabot secara hutang daripada Encik Ali dan ingin meminjam wang daripada bank bagi menyelesaikan hutangnya. Bank memberi pinjaman RM800 dengan kadar bunga sebanyak X dalam tempoh 10 tahun. Dengan cara ini, bank berhasrat menambah asetnya. Kemudian, apabila Encik Umar menerima wang itu, dia terus menggunakannya untuk membayar perabot yang dibelinya daripada Encik Ali. Selepas itu, Encik Ali menyimpan hasil jualan perabot tadi dalam akumannya di Bank B. Jumlah RM800 dimasukkan ke bank komersial B. Tatkala itu Bank B mestilah menyimpan 20 peratus daripada itu iaitu RM160. Bakinya sebanyak RM640 akan dipinjamkan kepada pelanggan kepada pelanggan lain dengan kadar bunga juga. Begitulah pusingan wang di semua bank-bank dan peminjam. Katakan berterusan sehingga di Bank K. (Zaharuddin Abd. Rahman, 2010).

Jika dilihat daripada contoh proses KPPS di atas, didapati bahawa setiap seorang yang menyimpan wang di sesebuah bank, maka setiap kali itulah pihak bank mempunyai kuasa untuk mencipta wang melalui pinjaman dengan kadar bunga. Setiap kali itu juga wang *fiat* dicipta melalui kadar bunga dan jumlah wang *fiat* di dalam pasaran bertambah dan membawa kesan inflasi. Dalam pada itu, berlaku pertambahan dan pergandaan wang asal yang disimpan dengan berganda-ganda (Zaharuddin Abd. Rahman, 2010). Rentetan pertambahan dan pergandaan yang

¹ Lihat dalam Hussin Salamon dan Zanirah Mustafa (2009).

berlaku, persoalan yang cukup menarik untuk difikirkan ialah bagaimana wang yang asalnya berjumlah RM1000 telah digandakan sehingga menjadi RM 4,570.05 dalam pasaran? Oleh yang demikian, apa yang perlu difikirkan bagaimana simpanan tambahan sebanyak itu boleh dicipta, sedangkan tiada orang lain yang menyimpan? (Razali Othman, 2014; Zaharuddin Abd. Rahman, 2010).

Berdasarkan logik pemikiran tersebut jelas memperlihatkan bahawa berlaku elemen-elemen riba dalam proses sistem perbankan yang diamalkan terutama dalam proses KPPS dan ditambah lagi dengan penetapan kadar bunga. Memandangkan dalam konteks amalan berwakaf, wang *fiat* menjadi mekanisme bagi wakaf dalam kategori tunai maka sedikit sebanyak kesannya juga terpalit ke atas penggunaannya. Sebagaimana yang diketahui, unsur riba sering kali dimaksudkan sebarang tambahan dalam barangan tertentu dan tambahan di atas hutang akibat penangguhan tempoh. Selain itu, riba mengandungi dua jenis antaranya merangkumi riba yang terhasil daripada jual beli barangan *ribawiy* dan juga riba yang terhasil daripada hutang (Zaharuddin Abd. Rahman, 2008). Wujud juga pentakrifan tentang riba yang mengemukakan tentang riba wujud apabila berlaku dua kali ganda atau tambahan kepada sesuatu dan terdapatnya kadar faedah yang dikenakan (Ahmad Maulidizen, 2016).

Sementara itu, riba juga ditakrifkan sebagai tambahan atau lebihan yang diperoleh oleh salah satu pihak daripada pihak yang lain tanpa mendapat imbalan yang wajar. Kemudian, suatu tukaran ini melibatkan sama ada tukaran secara jual beli atau tukaran bukan jual beli di antara barangan *ribawiy* (Mohd Hafiz Fauzi, Muhamad Fadli Abdullah, Nurul Aiman Abdul Basik & Wan Hanan Wan Mohamad, 2012).

Berdasarkan makna yang dikemukakan, riba dapat difahami sebagai perbuatan yang menambah atau menggandakan sesuatu untuk memperolehi keuntungan yang lebih banyak, paling jelas dalam aktiviti perniagaan, perbankan dan pelbagai produk kewangan yang ditawarkan. Sehubungan dengan tindakan tersebut, ayat Al-Qur'an dengan jelas menunjukkan bahawa sesiapa yang enggan meninggalkan saki baki riba yang telah atau akan diambilnya, maka Allah SWT memberi amaran untuk memerangi mereka. Firman Allah SWT mengenai riba adalah seperti berikut;

“Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah SWT dan tinggalkanlah sisa riba (yang belum dipungut), jika benar kamu orang yang beriman. Maka jika kamu tidak melakukan (perintah tinggalkan riba itu) maka ketahuilah Allah dan RasulNya akan memerangimu dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu ialah pokok asal harta kamu. Kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa” (*al-Baqarat: 2:278-279*).

Justeru daripada seruan dalam surah *al-Baqarat: 2:278-279* tersebut jelas membuktikan bahawa riba adalah salah satu amalan ditentang dalam Islam.

Selain isu riba, kesan yang didasari daripada falsafah penciptaan wang *fiat* terutama melalui KPPS secara jelas telah membawa masalah inflasi yang berpunca daripada penawaran wang *fiat* dalam pasaran yang memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara, lebihan penawaran dalam pasaran yang mengakibatkan berlakunya inflasi, begitu juga kekurangan penawaran wang pula mengakibatkan berlakunya deflasi (Mohd Faiz Mohamed Yusuf & Mohd Adib Ismail, 2011). Kesan yang paling ketara apabila berlakunya inflasi membawa kepada terjejasnya golongan bawahan dalam sektor ekonomi seperti mana wujud kemiskinan, jurang pengagihan pendapatan bertambah luas dan kehilangan kekayaan negara serta kuasa politik bertukar tangan (Ahamed Kameel Mydin Meera, 2010).

Permasalahan inflasi ternyata membawa kepada kemudharatan dalam sektor ekonomi dan kewangan sesebuah negara. Keadaan ini bertambah buruk apabila penelitian ke atas wang *fiat* juga turut mendapati berlakunya susut nilai yang berpunca daripada percetakan dan pengeluaran tanpa had (Salmy Edawati Yaacob, Sanep Ahmad & Wan Najihah Wan Mohd Zabaria, 2009) melalui proses KPPS yang menyumbang kepada kelemahan ketara wang *fiat*. Dalam pada itu, ekor susut nilai yang berlaku dalam pasaran kewangan secara tidak langsung menyumbang pula kepada ketidakstabilan terutama terhadap ekonomi negara-negara membangun (Mohd Nazri Chik, 2011).

Sementara itu, terdapat penghujahan mengenai ketidakstabilan nilai mata wang *fiat* yang diguna pakai mempunyai kaitan langsung dengan isu kebergantungan mata wang dunia hari ini yang rata-rata bersandarkan kepada dolar Amerika Syarikat (AS) (Salmy Edawati Yaacob, Sanep Ahmad & Wan Najihah Wan Mohd Zabaria, 2009). Keperluan kepada proses KPPS turut sama menyumbang kepada unsur *gharār* yang didefinisikan sebagai bahaya, pertaruhan, menipu atau memperdaya, tidak mengetahui serta meliputi semua perkara penipuan untuk mencapai satu tujuan iaitu mendapatkan sesuatu perkara atau harta dengan cara yang salah dan tidak sepatutnya (Abdul Hadi Awang, 2012). Dalam istilah perundangan Islam *gharār* dikaitkan dengan kontrak jual beli yang diharamkan kerana mengandungi unsur keraguan yang mungkin akan menyebabkan perselisihan antara pembeli dan penjual (Wan Marhaini Wan Ahmad, Asmak Abd. Rahman, Nor Aini Ali & Azizi Che Seman, 2005). Kesannya jika dilihat kepada landskap kewangan pada hari, didapati bahawa unsur *gharār* adalah sukar untuk dihapuskan sepenuhnya (Nor Fahimah Mohd Razif & Shamsiah Mohamad, 2011). Mengenai permasalahan *gharār* ini, Rasulullah SAW

sendiri melarang transaksi melibatkan *gharār* kerana mengandungi unsur spekulasi yang boleh membawa kepada perbalahan dan ketidakadilan kepada salah satu pihak yang berkontrak. Sehubungan itu, para fuqaha berpendapat bahawa *gharār* merupakan salah satu kekangan yang boleh menyebabkan sesuatu transaksi menjadi tidak sah. Terdapat nas al-Qur'an yang memberi panduan tentang perlunya dielakkan keraguan dan risiko yang menjadi punca perselisihan, sebagai mana berikut:

"Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu makan harta orang lain dengan cara yang dilarang, sebaliknya berdaganglah sesama kamu dengan saling reda meredai" (*al-Nisā'*: 4:29)

"Celakalah bagi mereka yang terlibat dengan penipuan, mereka yang ingin ketepatan semasa orang lain menimbang bagi mereka, tetapi mengurangkan timbangan apabila mereka menimbang untuk orang lain." (*al-Muṭaffifīn*: 83:1-3)

Di sebalik itu, sifat wang *fiat* itu sendiri yang tiada nilai *instrinsik* menyumbang kepada kelemahan, sebagai mana nilai *instrinsik* yang diperlukan untuk sesuatu nilai atau logam harga nyata daripada bahan yang digunakan untuk membuat wang itu sendiri (Deliarnov et al, 2006). Oleh kerana sifatnya yang tiada nilai, wang *fiat* tidak boleh dijual beli (Mahathir Mohamad, 1998).

Secara keseluruhan perbincangan mengenai kelemahan wang *fiat* yang diguna pakai sebagai mekanisme wakaf tunai tersebut, dapat dirangkumi terhadap enam unsur kelemahan yang nyata dalam wang *fiat*. Enam kelemahan yang dimaksudkan mencakupi wujudnya unsur riba, inflasi, susut nilai, ketidakstabilan, *gharār* dan tiadanya nilai *instrinsik*. Berdasarkan elemen kelemahan yang dikemukakan, satu persoalan lain timbul mengenainya, Apakah unsur-unsur yang terdapat dalam wang *fiat* tidak mengganggu gugat kelancaran pahala yang berterusan yang sepatutnya dimiliki oleh pewakaf? Lebih-lebih lagi, konsep wakaf tunai yang diamalkan di

Malaysia adalah mengumpul kutipan hasil sumbangan dan disimpan dalam akuan yang telah ditetapkan kemudian sekiranya sesuatu jangka masa telah mencukupi ataupun kutipan sumbangan telah menepati sasaran baharulah sesuatu projek pembangunan dilaksanakan atau ditukar kepada konsep *badal* yang bermaksud tukar atau ganti.

Isu kedua, menyentuh berkenaan wang dikategorikan sebagai harta alih. Harta alih yang apabila diambil manfaat daripadanya akan menghilangkan zatnya serta tidak boleh diganti lain, harta ini tidak dapat dikembangkan dan dikekalkan nilainya (Muhammad Fathullah Al-Haq Muhammad Asni & Jasni Sulong, 2015). Justeru, apabila diteliti pengertian harta alih jelas mempamerkan harta alih merangkumi harta yang bersifat kekal iaitu tidak rosak dengan sebab penggunaannya. Ertinya harta-harta seperti makanan, minuman, lilin, wangian dan sebagainya yang pengambilan manfaat darinya adalah dengan cara penggunaan yang menghabiskan zatnya adalah tidak dibenarkan (Luqman Abdullah, 2010). Sehubungan dengan itu, syarat harta yang hendak diwakafkan daripada jenis harta alih adalah tidak mudah rosak atau musnah (Ainul Kauthar Karim, Arief Salleh Rosman & Azman Ab Rahman, 2014). Berbalik kepada keperluan mengekalkan sumber fizikalnya, salah satu syarat untuk memenuhi perwakafan harta menjadi sempurna adalah wakaf mesti dilakukan secara kekal (JAWHAR, 2010). Namun, apabila membicarakan isu harta alih seperti perwakafan wang, perkara ini ternyata bertentangan dengan prinsip yang memerlukan sesuatu harta alih yang diwakafkan itu mestilah tidak rosak dengan penggunaannya atau disebut mempunyai kualiti kekal (Luqman Abdullah, 2010). Tambahan, kekekalan harta dengan jelas telah dipesan dalam al-Hadith Rasulullah SAW, seperti sabdanya: